

# SHAHNON AHMAD

## BINTANG GEMILANG DI DADA ZAMAN

**S**aya mendapat khabar daripada teman-teman di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bahawa Sasterawan Negera Datuk Shahnon Ahmad tinggal bersama-sama anaknya di Bangi. Pada pagi Selasa, 16 Mei 2017, saya, Tan Sri Zainuddin Maidin (Zam) dan mantan wartawan *Utusan Melayu*, Rosle Azme berkesempatan menziarahi beliau.

Shahnon dibawa keluar dengan kerusi roda. Beliau kelihatan uzur kerana menghidap Myasthenia Gravis (MG) yang menyebabkan komplikasi daya tahan pada otot-ototnya. Lebih sukar lagi kerana penyakit itu menjejaskan otot lidah, rahang, mulut dan kerongkong yang menyebabkan makanan sukar dikunyah dan percakapan menjadi terhad. Menurut beliau, menelan ubat pun satu penyeksaan. Pada waktu yang sama keupayaan otot-otot utama di seluruh badan turut merosot.

Ketika ziarah itu, Tan Sri Zam banyak bercerita tentang hubungan istimewa beliau dengan Shahnon. Pada buku *Perjalananku Sejauh Ini: Sebuah Autobiografi* (terbit 2006) yang dihadiahkan untuk kami, Shahnon menulis untuk Tan Sri Zam, "Kepada sahabat lama yang sibuk di Pasar Yaakob". Mereka sudah mengenal satu sama lain sewaktu Tan Sri Zam menyewa sebuah bilik kecil untuk menjalankan tugas sebagai wartawan sambil dengan *Utusan Melayu* sewaktu berusia 18 tahun di Alor Setar. Di sanalah mereka mula bersahabat. Malah, Shahnon turut menjadi pengiring sewaktu Tan Sri Zam mendirikan rumah tangga pada bulan April 1965.

Kami sama-sama terharu apabila melangkah keluar dari rumah anak Shahnon. Shahnon yang kami temui hari itu bukan Shahnon yang kami kenal selama ini. Lebih-lebih lagi bagi Tan Sri Zam yang mengenali Shahnon lebih enam dekad. Saya faham alasan Tan Sri Zam untuk tidak turut terseret "menolak" novel kontroversi Shahnon berjudul *Shit* yang terbit pada tahun 1999. Dalam satu laporan yang tersiar di akhbar *Utusan Malaysia* pada 26 April 1999, Tan Sri Zam sendiri menyarankan *Shit* tidak perlu diharamkan.

Seyogianya diingat, tahun 1999 ialah tahun "panas" bagi politik Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1998. Ekoran itu berakibatkan ledakan kemarahan sebahagian besar rakyat Malaysia. Maka, berakulah Gerakan Reformasi. Kemarahan terhadap Tun Mahathir membuak-buak ketika itu, khususnya dalam kalangan orang Melayu.

Saya turut terlibat dalam peristiwa itu. Proses "membersihkan" media daripada "kroni Anwar" telah bermula awal lagi. Saya sendiri telah diminta meletakkan jawatan pada 14 Julai 1998. Pada masa itu saya menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar *Utusan Melayu*. Saya meninggalkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada bulan November 1992 untuk mengambil alih tempat Tan Sri Zam di *Utusan Melayu*. Usia saya baru 38 tahun ketika itu dan terpaksa memikul tanggungjawab memimpin akhbar milik UMNO. Pada era sebelum internet dan media sosial, akhbar masih amat berpengaruh terhadap masyarakat. Selepas penyingkiran saya pada bulan Julai itu, Datuk Mohd. Nazri Abdullah dari *Berita Harian* (juga salah seorang tuan punya syarikat MRCB yang memiliki syarikat New Straits Times Press) dan Saudara Yunus Said dari TV3 juga telah meletakkan jawatan. Tan Sri Zam sendiri dilantik oleh Tun Mahathir sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif di *Utusan Melayu* bagi memastikan "kesetiaan" akhbar itu tidak

berbelah bagi kepadanya. Tan Sri Zam telah "disingkiran" oleh Tun Mahathir pada tahun 1992 dan saya mengambil alih tempatnya di kerusi yang panas itu. Dengan ketiadaan saya, timbalan saya, Datuk Khalid Mohd telah dilantik sebagai Ketua Pengarang menggantikan saya.

Dalam konteks kontroversi ekoran penerbitan *Shit*, novel Shahnon yang

**BELIAU MANUSIA PENUH WARNA-WARNI DENGAN CATATAN KEHIDUPAN YANG SANGAT ISTIMEWA. JUGA PENCIPTA KARYA SASTERA YANG AKAN MENJADI PERBENDAHARAAN KESUSASTERAAN NEGARA.**



Shahnon membelek-belek buku saya *Jejak Seni: Dari Pentas Bangsawan ke Media Prima Berhad*.

ke-26 itu, tidak kurang daripada 195 tulisan pro dan kontra telah direkodkan (banyaknya kontra). Banyak yang mengambil kesempatan mengecam Shahnon, malah ada yang mencadangkan supaya ditarik balik anugerah Sasterawan Negera yang diperolehnya pada tahun 1982. *Shit* dikatakan biadab, lucah, tidak bermoral dan macam-macam lagi. Walau bagaimanapun, terdapat juga suara yang tidak kurang rasional mempertahankan

kehadirannya, antaranya termasuklah kenyataan Tan Sri Zam sendiri, iaitu sahabat yang tidak membuang persahabatan semata-mata kerana perbezaan faham politik. Walaupun Tan Sri Zam tidak bersetuju dengan novel itu tetapi beliau mengambil pertimbangan kebebasan berkarya dan bersuara dalam konteks itu. Sesuatu yang amat jelas pada Shahnon yang kami temui pagi 16 Mei itu semangatnya kental, cintanya terhadap sastera tidak luntur dan ingatannya masih kuat. Namun demikian, agak sukar untuk kami memahami tutur katanya. Walau bagaimanapun, isteri beliau Datin Wan Fatimah dan anak beliau Azrul banyak membantu kami.

Saya menyerahkan buku saya *Jejak Seni: Dari Pentas Bangsawan ke Media Prima Berhad* kepada beliau. Saya catatkan nota ini untuk beliau: "Tokoh yang saya kagumi, sasterawan terbilang, guru pada sasterawan". Saya mempunyai alasan untuk mengatakan demikian. Sekiranya ada sasterawan yang besar pengaruhnya terhadap penulisan kreatif saya, orang itu ialah Shahnon.

Memang banyak sasterawan besar lain yang menyebabkan saya mencintai akan sastera Melayu. Saya belajar di sekolah Inggeris, maka itu lebih banyak terdedah pada sastera dalam bahasa Inggeris. Saya mengenal sastera Melayu melalui tulisan Kamaluddin Mohamad (Keris Mas), Usman Awang (Tongkat Warrant), A. Samad Ismail, A. Samad Said, dan banyak lagi.

Saya menulis dari usia yang sangat muda, menyumbang untuk majalah *Dewan Pelajar* (terbitan DBP), *Utusan Kanak-kanak* dan *Utusan Pelajar* (terbitan *Utusan Melayu*) sejak tahun 1968 lagi. Saya banyak menyumbang pada akhbar *Mingguan Malaysia* dan *Berita Minggu* selain majalah seperti *Mastika*, *Wanita* dan *Utusan Filem dan Fesyen* terbitan *Utusan Melayu*. Pada awal tahun 1970-an saya mencuba kekuatan saya dalam bidang cerpen.

Pada tahun 1971, DBP telah menerbitkan majalah *Dewan Sastera* yang dipimpin oleh Usman Awang. Saya percaya

Dewan Sastera  
Februari 2018

Biography - General  
Pg. 70-73

*Dewan Sastera* merupakan penerbitan yang amat penting dalam sastera Malaysia. Saya kemudiannya banyak menulis untuk majalah itu, dan pada tahun 1989 saya menjadi Ketua Pengarang majalah tersebut. Dalam bidang drama, saya telah "ditemui" oleh Usman Awang apabila saya mementaskan drama *Kotaku Oh Kotaku* sewaktu Malam Berbunga Sajak II di Panggung Eksperimen Universiti Malaya pada tahun 1975. Drama saya itu menjadi hiasan kulit depan *Dewan Sastera* pada bulan Mac 1976.

Melalui *Dewan Sastera* dan ruangan sastera majalah dan akhbar tempatan saya mengenal Shahnon melalui cerpen-cerpenya. Cerpen beliau seperti "Denak" (*Dewan Masyarakat*, Jun 1970), "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" (*Dewan Sastera*, Februari 1971), "Igau" (*Dewan Sastera*, Disember 1971), "Lagu Kit Kit Kit" (*Berita Minggu*, 13 Ogos 1972) dan "Kelapa Nan Sebatang" (*Dewan Sastera*, September 1973) telah membuka cakrawala saya terhadap dunia penulisan cerpen.

Saya mengamui teknik penulisan Shahnon melalui cerpen-cerpen itu. Dalam proses awal saya untuk mencari gaya dan bentuk, cerpen-cerpen itu memberikan saya inspirasi baharu. Malah, saya mengamui bahawa cerpen-cerpen awal saya seperti "Surat Dari Kampung" (*Mingguan Rakyat*, 14 Ogos 1976), "Warkah Dari Kota" (*Utusan Zaman*, 27 Jun 1976), "Surat Seorang Siswa" (*Mingguan Malaysia*, 9 Oktober 1978) dan "Peah" (*Mingguan Malaysia* 16 September 1976) banyak dipengaruhi oleh gaya Shahnon. Semua cerpen ini serta 11 cerpen yang lain terkumpul dalam antologi *Pelarian Sang Hero* (terbitan Eastern University Press, 1980), yang merupakan satu-satunya antologi cerpen saya.

Saya juga terdedah pada novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, novel ketiga Shahnon yang diterbitkan oleh Penerbit Utusan Melayu pada tahun 1966. Seperti ribuan pelajar pada penghujung tahun 1960-an dan awal 1970-an, *Ranjau Sepanjang Jalan* menjadi

bahan teks sastera. Ketika itu generasi kami terdedah kepada kisah penderitaan keluarga petani bernama Lahuma dan isterinya Jeha, serta tujuh orang anak perempuan mereka. Kami diperkenalkan dengan desa yang bernama Banggul Derdap serta banyak istilah dan ungkapan unik dari utara. *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan sebahagian daripada siri novel desanya yang bermula dengan *Rentung* (1965), novel beliau yang pertama. Dalam novel dan cerpenlah kekuatan Shahnon begitu ketara sekali. Shahnon menulis 33 buah novel, paling akhir *Mahabbah*. Banyak novelnya unik dan istimewa, serta menjadi sebahagian daripada khazanah penting sastera Malaysia. Siapakah yang dapat melupakan *Sampah* (1974), *Srengenge* (1974), *Seluang Menodak Baung* (1978), *Tuk Guru* (1988), *Sutan Baginda* (1989) dan *Tunggul-tunggul Gerigis* (1989)?

Shahnon bukan tanpa kontroversi. Novel beliau yang kedua *Terdedah* (1965) dianggap separa lucah. *Ummi dan Abang Syeikhul* dihasilkannya akibat pembabitian beliau dengan gerakan al-Arqam yang kemudiannya diharamkan. Soal ketuhanan dihujahkan dalam *Protes* (1967). Beliau menyentuh isu politik dalam *Menteri* (1967) dan *Perdana* (1969). *Shit* tentunya menjadi novel yang paling kontroversi dalam sejarah novel tempatan kerana subjeknya.

Shahnon mengakui bahawa pada satu tahap dalam hidupnya beliau memanifestasikan "keberangan dan kepongahannya" melalui karya-karyanya. Beliau menghasilkan *Kemelut* (1977), *Seluang Menodak Baung* (1978), *Patriarch* (1991). Shahnon terbit dalam al-Arqam kerana keyakinannya terhadap gerakan itu. Hal ini berlaku sekebalinya beliau dari Australian National University di Canberra, Australia. Selama empat tahun di sana (1968 hingga 1972) beliau juga terdedah dengan banyak perbincangan spiritual dan keagamaan. Menurut buku *Perjalananku Sejuah Ini: Sebuah Autobiografi*, beliau mencari "jemaah yang tersurat rapi yang sahah matlamatnya dan sahah kaedahnya selaras

dengan tuntutan Islam". Di sana juga beliau mengenali seorang paderi Katolik bernama Jim Cox. Jim Cox akhirnya masuk Islam (menggunakan nama Yaakub bin Abdullah) dan mengahwini seorang gadis Melayu dari Kampung Kangkung, Simpang Empat, Kedah. Dalam proses pencarian sebuah jemaah inilah Shahnon menemui al-Arqam. Beliau mengambil masa setahun untuk memahami al-Arqam sebelum menjadi ahlinya. Beliau juga banyak membaca tulisan pengasas al-Arqam, Ustaz Ashari Muhammad. Dalam buku itu beliau menulis:

"Sayang! Al-Arqam agak tergesa-gesa untuk mengecap nikmat perjuangannya sedangkan nikmat itu bukan untuknya sekarang, bukan untuk anak cucu-cicitnya tapi untuk generasi masa depan yang bakal tiba".

Pengalaman beliau dalam al-Arqam dirakamnya dalam novel *Ummi dan Abang Syeikhul*. Ada banyak pemaparan dalam novel itu yang tentunya tidak disenangi oleh ahli al-Arqam. Malah, buku itu mendedahkan Abang Syeikhul menjadi pemimpin yang dipuja dan disanjung oleh pengikutnya secara luar biasa.

Beliau juga aktif dalam Pas, antara lain kerana kekagumannya terhadap Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz, mantan Menteri Besar Kelantan. Beliau tidak akrab dengan Nik Aziz, malah hanya bertemu dua kali, itu pun tidak ada kesempatan untuk berbual atau bercbingan. Walau bagaimanapun, Shahnon memiliki hampir semua rakaman ucapan dan syarahan Nik Aziz. Malah, beliau mewujudkan sebuah ruang yang diberi nama "Pustaka Tuk Guru" di rumahnya.

Sewaktu berdamai dengan Pas, Shahnon banyak menulis novel yang kritikal terhadap pemerintah antaranya termasuklah *Sungai* (1995), *TVI* (1995), *Igau* (1996), *Pokok* (1996) dan *Dangeng Hujan dan Kuda* (1996). Pada kemuncak krisis penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim, Shahnon menulis novella berjudul *Nurul Anak Papaku* yang ditulis khusus untuk puteri mantan Timbalan Perdana Menteri itu.

Dalam perbualan kami beliau banyak menyebut tentang novel *Mahabbah*. Perkataan "Mahabbah" itu sendiri membawa makna yang tersendiri. Menurut beliau, sewaktu diumumkan sebagai penerima Anugerah Sasterawan Negara pada tahun 1982, beliau terfikir apakah agaknya tema ucapan balasnya. Dalam satu pertemuan dengan Ustaz Ashari, dicadangkan beliau bercakap tentang "Mahabbah" - "Cinta". Maka itulah tajuk dan tema ucapan penerimaan itu, yang tersiar sepenuhnya dalam *Dewan Sastera*, November 1982. Idea tentang "cinta" itulah yang mahu dipanjanjkan menjadi novel terakhirnya.

Salah satu polemik yang menarik dalam sastera Melayu adalah tentang sastera Islam, yang menghujahkan isu kandungan dan arah tuju. Sebelum ini kita tahu tentang polemik "Seni untuk Seni" dan "Seni untuk Masyarakat" yang mencorakkan gerakan Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50). Shahnon sendiri walaupun bukan ahli Asas 50 berpegang pada konsep "Seni untuk Masyarakat." Menurut beliau, sastera ada peranannya, bukan sekadar untuk berkreasi atau untuk memperagakan kebolehan berkreasi. Soalan beliau ialah, "mengapa bersastera?" - teras yang menjadikan beliau menggunakan sastera untuk sesuatu matlamat.

Beliau mengakui bahawa sastera itu "untuk menyedarkan masyarakat, untuk masyarakat bangun meruntuhkan segala ketidakadilan, memerangi segala rasuah dan sogokan, menentang segala kepausahaan dan penyelewengan, sekiranya perlu mencetuskan revolusi pun khusus untuk menjatuhkan pemerintah yang zalim dan korup dan digantikan dengan pemerintah yang baru, adil dan berilmu". Walaupun polemik "sastera Islam" ini menjadi "panas" pada tahun 1980-an, tetapi Shahnon telah mula membicarakannya sejak penghujung tahun 1970-an lagi. Seingat saya tulisan beliau dalam majalah *Dewan Bahasa* pada tahun 1977 sudah menyentuh soal konsep sastera Islam itu. Pada bulan Oktober 1978, beliau menulis sebuah esei "Sastera Melayu



Bersama-sama Tan Sri Zam (dua dari kanan) dan anak Shahnon bernama Azrul, isteri Shahnon dan Saudara Rosie Azmi (kiri sekali) pada bulan Mei tahun lalu.

dan Islam" dalam *Dewan Sastera*. Untuk majalah *Dakwah* pada bulan Januari 1979, beliau menulis "Nilai Imajinasi Menurut Islam". Sementara itu, pada bulan Februari 1979, beliau menulis rencana "Penerapan Islam Menerusi Karya Kreatif" dalam majalah *Hikmah*. Banyak reaksi terhadap isu sastera Islam ini pada tahun 1970-an dan 1980-an membabitkan Kassim Ahmad, Mohd Affandi Hassan, Ahmad Kamal Abdullah, dan ramai lagi. Begitu menarik debat antara Shahnon dengan Kassim Ahmad hingga DBP menerbitkan sembilan buah rencana berkaitan dalam buku *Polemik Sastera Islam Shahnon Ahmad, Kassim Ahmad* pada tahun 1987.

Kita mengamui Shahnon kerana keupayaan sasteranya. Sejak cerpenya yang pertama tersiar ("Bingung" dalam *Majalah Guru* pada 24 Mei 1956) dan novelnya yang pertama (*Rentung*, 1965) Shahnon telah membuktikan kekuatan luar biasanya sebagai penulis kreatif. Kita juga tahu pengaruh Shahnon terhadap generasi sasterawan muda seperti saya, dan ramai lagi. Kita mengakui bahawa beliau selayaknya memenangi Anugerah Sastera (penerima yang kedua selepas Keris Mas). Tambahkan pula, beliau telah memenangi sekian banyak hadiah sastera dalam pelbagai bentuk di dalam dan luar negara.

Kita juga tahu Shahnon sebagai tokoh akademik yang dihormati telah memulakan

kariernya sebagai tutor di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM) hingga akhirnya menjadi Profesor Emeritus mulai tahun 1993.

Hal yang lebih pentingnya ialah legasinya dalam dunia persuratan. Jasa beliau sama sekali tidak boleh dinafikan. Beliau raksasa dalam dunia persuratan negara - tokoh besar yang turut mewarnakan sastera Malaysia. Dalam autobiografinya, pada bab ke-12 yang diberi judul "Kata Penutup Jalan", beliau menulis:

"Dan dengan ketenangan yang dikecapi itulah degupan jantung hati Endar tiba-tiba terhenti buat selama-lamanya".

Saat itu berlaku pada jam 7.30 pagi, hari Selasa, 26 Disember 2107. Maka, berakhirlah perjalanan hidup seorang wira sastera luar biasa selama 84 tahun. Beliau manusia penuh warna-warni dengan catatan kehidupan yang sangat istimewa. Juga pencipta karya sastera yang akan menjadi perbendaharaan kekusasteraan negara. Beliau ideolog yang lantang, beliau seniman dan budayawan, beliau pencatat zaman, juga ahli politik, beliau penelaah ilmu sebagai sarjana dan seorang bapa, mentor dan idola bagi ratusan sasterawan muda. Beliau sememangnya bintang gemilang di dada zamannya.

Al-Fatihah untuk Shahnon Ahmad. ■